

TARIKH : 6 JANUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

### Pertumbuhan ekonomi lebih perlahan

# Pertumbuhan ekonomi lebih perlahan

**PETALING JAYA** – Ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih perlahan tahun ini dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus bagi suku tahun pertama (S1) 2023, kesan faktor luaran yang kurang memberangsangkan.

Menurut Kenanga Research, ini berbanding jangkaan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 6.6 peratus bagi suku tahun keempat 2022.

Jelasnya, kelembapan ekonomi global akan mengurangkan pertumbuhan KDNK negara untuk keseluruhan tahun ini kepada 4.3 peratus daripada jangkaan 8.6 peratus bagi 2022, terutamanya disebabkan permintaan luar lebih lemah dan perbelanjaan budi bicara yang dijangka berkurangan dalam persekitaran peningkatan kos sara hidup.

"Kerajaan baharu dijangka meneruskan dasar pengembangan fiskal yang sederhana dengan meneruskan pemberian subsidi serta menyambung semula projek pembangunan untuk menge mudzi negara menyelusuri kelembapan pertumbuhan global.

"Di sebalik penambahbaikan dalam pengurusan fiskal serta hasil minyak dan gas yang tinggi,

kami mengunjurkan defisit fiskal negara akan mengecil kepada lima peratus daripada KDNK untuk 2023, berbanding jangkaan 5.7 peratus bagi tahun lalu," katanya dalam satu nota penyelidikan semalam.

Firma berkenaan menambah, kitaran pengetatan dasar monetari negara mungkin berakhir seawal Januari ini memandangkan prospek ekonomi global menjadi semakin lemah, dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka meningkat kadar dasar semalam sebanyak 25 mata asas kepada tiga peratus.

"Ringgit mungkin melemah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kepada sekitar 4.48 pada S1 2023 disebabkan oleh peningkatan perbezaan dasar monetari antara BNM dan Rizab Persekutuan AS (Fed), namun bergerak ke separuh tahun kedua, kedudukan ringgit dijangka mengukuh kepada sekitar 4.11 menjelang akhir 2023 terutamanya disebabkan jangkaan pusingan baik oleh Fed.

"Sementara itu, inflasi utama dan inflasi teras diramalkan menurun tahun ini, masing-masing kepada purata 2.5 peratus dan 2.3 peratus.

"Hal ini disebabkan oleh in-

siatif kos sara hidup kerajaan, kedudukan ringgit yang lebih kukuh, permintaan global yang perlahan dan pemuliharan dalam rantai bekalan global," katanya.

**EKONOMI** Malaysia dijangka bertumbuh 4.3 peratus pada 2023, daripada jangkaan 8.6 peratus tahun lalu.  
– GAMBAR HIASAN

